

Nama : _____

Kelas : _____

Prosa Moden – Sekeping Tanah

Rujuk cerpen 'Sekeping Tanah', halaman 146 dalam Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Tanah itu cuma sekeping ...
... memandang wajah abangnya.

(Dipetik daripada cerpen 'Sekeping Tanah',
Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Berdasarkan petikan, mengapakah Hisyam tidak mahu menjual tanah pusaka itu?
 - A Ayah mereka mahu mereka tiga beradik menguruskan tanah itu dengan baik.
 - B Syarikat keluarga telah ditubuhkan untuk menguruskan tanah tersebut.
 - C Tanah itu istimewa kerana satu-satunya hadiah daripada ayah mereka.
 - D Hisyam dan kakaknya, Halimah mahu membangunkan tanah tersebut.
- 2 Walaupun dibantah oleh Harun, Hisyam nekad dengan keputusannya supaya
 - A tidak berlaku perbalahan antara anak-anak Harun, Hisyam dan Halimah.
 - B kediaman mewah dalam bentuk kondo dapat didirikan untuk mereka di situ.
 - C tanah pusaka yang berharga di bandar itu tidak bertukar tangan kepada pihak lain.
 - D ayah mereka yang sudah meninggal dunia berasa tenang dan aman di dalam kubur.
- 3 Latar masyarakat yang cuba ditonjolkan melalui watak Harun dalam petikan ini ialah
 - A masyarakat yang suka mengambil jalan mudah untuk menyelesaikan masalah.
 - B masyarakat yang memanjakan anak-anak dengan harta benda dan wang ringgit.
 - C masyarakat yang bijak berhujah untuk menutup niat buruk demi kepentingan diri.
 - D masyarakat yang mahu berbuat sesuatu sebagai jaminan masa hadapan anak-anak.
- 4 Apakah persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen ini?
 - A Keseronokan yang merosakkan generasi muda
 - B Kebijaksanaan merancang masa dengan baik
 - C Keadilan dalam pembahagian harta pusaka
 - D Kegigihan mencari rezeki untuk keluarga
- 5 Klimaks dalam cerpen 'Sekeping Tanah' ialah
 - A Harun terkejut apabila mendapati Hisyam dan Halimah ialah pemilik Kondo Jaya.
 - B Harun nekad tidak mahu menyertai Hisyam dan Halimah dalam syarikat keluarga.
 - C Harun terlihat nama Hisyam sebagai pengurus pada papan kenyataan tapak kondo.
 - D Harun tersenyum selepas mendapat wang dua juta lebih hasil jualan tanah pusaka.

Prosa Moden – Bawod

Rujuk cerpen 'Bawod', halaman 56 dalam Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Loceng rehat kedengaran ...
... pantas merendah lumpur.

(Dipetik daripada cerpen 'Bawod',
Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Berdasarkan petikan, Bawod tidak dapat menemani Tuyog kerana
 - A banyak sungai dalam perjalanan.
 - B sekolah terletak amat jauh dari rumah.
 - C Bawod takut akan air sungai dan hujan.
 - D Bawod tidak boleh berjalan di atas lumpur.
- 2 Apakah cara untuk mengekalkan kehidupan yang harmoni antara manusia dengan haiwan?
 - A Mewujudkan pusat-pusat penjagaan haiwan berbayar dengan lebih banyak
 - B Membawa haiwan ke kawasan yang banyak mempunyai kedai makan
 - C Meletakkan haiwan di tempat-tempat yang banyak orang seperti di pasar
 - D Memberikan perlindungan dan makanan kepada haiwan yang tidak bertuan
- 3 Semua yang berikut ialah perwatakan Beluntung dalam petikan ini, **kecuali** _____.
 - A tekun dan rajin menuntut ilmu di sekolah untuk berjaya dalam pelajaran.

- B gigih menempuh dugaan dan perjalanan yang jauh untuk pergi ke sekolah.
- C berdikari dengan menunggang Tuyog melalui jalan yang berlumpur ke sekolah.
- D berfikiran positif dan sentiasa mengelakkan pergaduan dengan rakan sekelas.

Beluntung diam sahaja apabila diejek kerana badannya berbau kerbau.

- 4 Apakah nilai mumi yang cuba ditonjolkan melalui pernyataan di atas?
 - A Kerajinan
 - B Kesabaran
 - C Kepatuhan
 - D Keberanian
- 5 Cerpen 'Bawod' berakhir apabila
 - A Beluntung dan Tuyog memenangi perlumbaan dalam Pesta Lumba Kerbau.
 - B Beluntung tersungkur ketika berlari untuk mendapatkan Bawod yang berlumuran darah.
 - C ayah Beluntung menyembelih Tuyog sempena kenduri kesyukuran kejayaannya.
 - D Beluntung berasa amat gembira apabila lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.